

UCAPAN

**YBHG. DATUK WAN SELAMAH
BINTI WAN SULAIMAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**SEMPENA PERHIMPUNAN BULAN JULAI 2014
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PADA 22 JULAI 2014**

Bismillahirrahmanirrahim.

Rabbishrahli sodri wayassirli amri, wahlul ukdatan min lisani yafqahu qauli,

Aamiin.

Terima kasih saudari pengacara majlis dan saudara pembaca doa. Semoga doa kita pada hari ini dimakbulkan oleh Allah s.w.t. jua hendaknya. In sha Allah. Terima kasih juga kepada kumpulan koir di atas dendangan lagu sebentar tadi.

YBhg Dato' Hawazain binti Shaari, Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan, dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Jabatan Akauntan Negara yang saya hormati dan kasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan selamat pagi.

Alhamdulillah syukur kita kehadiran Allah s.w.t kerana dengan rahmat, izin dan kurniaNya, maka kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam perhimpunan bagi bulan Julai tahun 2014, bersamaan 24 Ramadhan 1435H.

Begitu cepat masa berlalu, kita sekarang telah berada di hari-hari terakhir bulan Ramadhan. Marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana kita masih di beri kesempatan untuk sekali lagi bertemu Ramadhan pada tahun ini. Sama-samalah kita berdoa agar kita terus diberi kesihatan tubuh badan untuk meneruskan amalan kita bagi merebut peluang yang datang hanya sekali dalam setahun. Semoga Ramadhan kali ini lebih baik dari tahun-tahun sebelumnya, dan kita diberi kesempatan untuk menemui Ramadhan yang akan datang. In sha Allah.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

DOA UNTUK MH17

Belum sempat kita mengetahui kesudahan yang menimpa pesawat MH370, sekali lagi kita dikejutkan dengan tragedi yang menimpa pesawat MH17. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan takziah kepada seluruh keluarga dan sahabat handai penumpang-penumpang dan anak-anak kapal

yang menjadi mangsa nahas MH17. Kepada muslimin dan muslimat sekalian, marilah kita sama-sama sedekahkan Al-Fatihah kepada mangsa yang beragama Islam. Semoga mereka semua ditempatkan bersama mereka yang beriman. Hanya insan terpilih yang diberi kelebihan untuk dijemput di bulan Ramadhan.

Bagi mereka yang bukan beragama Islam, bolehlah bertafakur dan berdoa mengikut anutan dan kepercayaan masing-masing. Sesungguhnya mereka akan sentiasa berada di dalam ingatan dan doa seluruh warga JANM. Al-Fatihah.

PELAKSANAAN HRMIS

Saya dimaklumkan bahawa status tindakan SKT yang telah disahkan bagi keseluruhan JANM untuk pelaporan **sehingga 16 Julai 2014** adalah **92.54%**. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah selesai melaksanakan pengisian dan pengesahan SKT 2014. Walaubagaimanapun, pencapaian peratusan ini masih boleh diperbaiki. Sehubungan itu, dipohon kerjasama tuan-tuan dan puan-puan selaku PYD dan PPP, yang masih belum melaksanakan pengisian atau pengesahan SKT, agar dapat melaksanakannya dengan **kadar segera**. Kerjasama semua juga dipohon agar **tiada aktiviti pindaan** bagi SKT yang telah disahkan untuk memberi laluan kepada proses perkiraan penilaian KPI oleh JPA.

PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN

Hari ini (22 Julai 2014), hanya 162 hari sahaja lagi sebelum kita melangkah ke era baru sistem perakaunan Kerajaan Persekutuan pada 1 Januari 2015. Pelbagai aktiviti pengurusan perubahan telah dan akan dilaksanakan oleh PPPA, dan dengan kerjasama semua Pejabat Perakaunan. Sebagai warga JANM yang merupakan agensi peneraju pelaksanaan Perakaunan Akruan ini, saya memohon kerjasama seluruh warga JANM untuk memainkan peranan anda semua dalam menjayakan transformasi ini.

UCAPAN SELAMAT HARI RAYA

Sebagai mengakhiri ucapan saya pada hari ini, dan bersempena kedatangan bulan Syawal yang akan tiba dalam beberapa hari lagi, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Fitri kepada seluruh warga JANM beragama Islam. Perayaan ini adalah bagi meraikan kemenangan selepas berjaya mengharungi dugaan di bulan Ramadhan.

Walaupun bagaimanapun, dalam kita bergembira menyambut kedatangan lebaran, jangan pula kita lupa kepada saudara kita yang kurang bernasib baik. Hulurkanlah bantuan setakat yang termampu. Pada masa yang sama, marilah kita sama-sama mendoakan kesejahteraan masyarakat di bumi Gaza.

PENUTUP

Akhir kata, kepada mereka yang akan memandu pulang ke kampung sempena cuti Aidil Fitri, pandulah dengan cermat dan berhemah. Patuhilah peraturan jalan raya. Biar lambat asal selamat. Saya doakan semoga anda semua selamat sampai ke destinasi masing-masing dan merayakan lebaran bersama keluarga tercinta, seterusnya kembali semula bertugas dengan penuh semangat selepas Aidil Fitri nanti.

Sekian, wabillahitaufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.